

PENGGUNAAN KAEDEAH "YADUN YAYAYA" UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS HURUF YA DALAM PERKATAAN

Aisah Hasmam

aisahhasmamsp2@gmail.com

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar

Nazatul Nadia Ahmad Ismail

nazatulnadia247@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis huruf Ya dalam perkataan menggunakan kaedah "Yadun Yayaya". Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk menyambungkan huruf Ya dalam perkataan dengan betul. Kaedah "Yadun Yayaya" adalah salah satu kaedah yang sesuai untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis perkataan Arab dengan baik. Peserta kajian terdiri daripada empat orang murid dari tahun dua "Adnin" di sebuah sekolah di Seremban, Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kajian tindakan. Alat pengumpulan data yang digunakan adalah ujian pra dan pasca, pemerhatian dan temu bual. Untuk mendapatkan kesahan data, penyelidik menggunakan triangulasi data kualitatif dan kuantitatif. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan markah murid dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Di samping itu, murid juga dapat memahami pembelajaran dengan mudah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah "Yadun Yayaya" dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyambungkan huruf Ya dalam perkataan bahasa Arab dengan betul. Kajian ini menyarankan agar guru bahasa Arab mempelbagaikan kaedah pengajaran dan mencuba mengaplikasikan pengajaran yang bersifat inovatif dan kreatif bagi meningkatkan kemahiran menulis perkataan bahasa Arab murid. Sekali gus membantu meningkatkan amalan terbaik dalam pengajaran mereka.

Kata kunci: Kaedah "Yadun Yayaya", meningkatkan kemahiran menulis, huruf Ya dalam perkataan

IMPROVE THE SKILLS OF WRITING THE LETTER YA IN ARABIC WORDS USING THE METHOD "YADUN YAYAYA"

ABSTRACT

This study aimed to assist students to improve the skills of writing the letter Ya in words using the method "Yadun Yayaya". Preliminary findings of the study indicated that students have difficulty connecting the letter Ya in words correctly. The "Yadun Yayaya" method was one of the suitable methods to help students improve their Arabic word writing skills well. The study participants consisted of four students from year two "Adnin" at a school in Seremban, Negeri Sembilan. This study used an action research approach. The data collection tools used were pre and post tests, observations and interviews. To obtain data validity, researchers used qualitative and quantitative data as well as data triangulation. The findings of the study showed an increase in students' marks in the post-test compared to the pre-test. In addition, students can also understand learning easily in the teaching and learning sessions conducted. In conclusion, the teaching and learning process using the "Yadun Yayaya" method can improve students' skills in connecting the letter Ya in words correctly. This research influences Arabic language teachers to use innovative and interesting teaching methods to improve their writing skills and in turn help to improve their teaching practices.

Keywords: "Yadun Yayaya" method, improve writing skills, letter Ya in words

PENDAHULUAN

Bahasa Arab adalah salah satu mata pelajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Objektif pembelajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah adalah murid mampu untuk memperoleh empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Arab. Salah satu kemahiran linguistik yang paling penting adalah kemahiran menulis. Kemahiran ini adalah proses yang kompleks dengan kecekapan atau kemampuan seseorang untuk memvisualisasikan idea dan menggambarkannya dalam bentuk huruf, kata dan struktur yang betul, dan dalam pelbagai kaedah, kedalaman dan kefasihan dengan penyampaian idea-idea tersebut dalam kejelasan memprosesnya secara berurutan dan kemudian menyempurnakan idea dan struktur yang menghadirkannya dengan cara yang menunjukkan lebih banyak kawalan dan pemikiran (Azhar, 2005). Namun, berdasarkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lalu, 4 daripada 22 murid mengalami masalah penyambungan huruf Ya di awal, tengah dan terakhir perkataan. Oleh kerana itu, pengkaji berminat untuk menyelesaikan masalah ini khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah.

Kajian ini memberi tumpuan kepada masalah murid dalam penulisan huruf. Kemahiran menulis adalah cara lain selepas percakapan untuk menterjemahkan buah fikiran dan perasaan kepada orang lain dan kaedah ini telah mendapat kepentingan besar (Abdullah, 2007). Murid Tahun 2 Adnin terdiri daripada 22 orang murid dan majoriti dalam kalangan mereka tidak menghadapi banyak masalah dalam pembelajaran kerana mereka adalah antara murid yang berada pada tahap yang baik. Ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas, setiap murid dapat menulis perkataan yang ditetapkan dengan baik kecuali 4 daripada mereka

yang tidak dapat menulis huruf Ya dengan betul. Pengkaji berperanan untuk membantu murid-murid ini kerana kemahiran menulis huruf pada peringkat awal merupakan elemen penting dalam meningkatkan kemahiran bahasa murid. Kaedah "Yadun Yayaya" adalah kaedah yang sesuai untuk membantu murid untuk menguasai kemahiran menulis huruf Ya dalam perkataan dengan baik.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini berdasarkan penggunaan kaedah "Yadun Yayaya" untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf Ya dalam perkataan dalam kalangan murid Tahun 2. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka penggunaan kaedah "Yadun Yayaya" untuk meningkatkan kemahiran murid untuk menulis huruf Ya dalam perkataan. Persoalan kajian yang ingin dijawab pula adalah bagaimanakah kaedah "Yadun Yayaya" yang digunakan dapat meningkatkan kemahiran murid untuk menulis huruf Ya dalam perkataan?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan untuk meninjau penggunaan kaedah "Yadun Yayaya" untuk membantu murid sekolah rendah menguasai kemahiran menulis huruf "Ya" dalam perkataan bahasa Arab yang dipelajari. Dari segi pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Menurut McNiff (1988), kajian tindakan merupakan satu pendekatan untuk membaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubah amalan. Penyelidik telah menggunakan model penyelidikan tindakan berdasarkan model Kemmis dan Mc Taggart (1988). Model ini menggariskan empat fasa perkembangan iaitu Fasa 1 menyediakan pelan tindakan untuk memperbaiki keadaan yang sedang berlaku, Fasa 2 bertindak mengikut pelan tersebut, Fasa 3 mengumpul dan menganalisa data dan Fasa 4 memerhati kesan daripada tindakan yang dibuat dalam konteks di mana ia berlaku dan membuat refleksi. Di samping itu, model ini mementingkan empat langkah dalam tindakan kajian berdasarkan gelungan iaitu memerhati, merancang, bertindak dan mereflek. Malah menurut Soon Seng Thah (2007) kajian seumpama ini amat sesuai diaplikasikan dalam konteks kajian yang dijalankan di dalam kelas melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

(a) Peserta Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan atau 'purposive sampling' dan penyelidik telah menetapkan ciri-ciri tertentu atau kriteria khusus yang perlu ada pada peserta kajian iaitu berdasarkan dapatan ujian diagnostik murid Tahun 2 Adnin. Yin (2010) berpendapat terdapat beberapa teknik pensampelan bertujuan sesuai digunakan sekiranya peserta yang dipilih itu kaya dengan maklumat dan dapat membantu penyelidik mencapai objektif kajian. Berdasarkan pemerhatian penyelidik di dalam bilik darjah dan dapatan ujian diagnostik di peringkat awal mendapati empat murid Tahun 2 Adnin mendapat skor kurang dari 60% berbanding murid yang lain dan tidak mampu menulis huruf Ya secara bersambungan dalam perkataan dengan betul. Ini bermakna empat orang murid ini terpilih sebagai peserta kajian

tindakan ini dan perlu dilakukan intervensi secara komprehensif dalam usaha untuk membantu mereka menyelesaikan masalah dalam menulis huruf Ya secara bersambung dalam perkataan.

(b) Tindakan

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart (1988) dari Hasnah Mahmed (2016). Model ini mementingkan empat langkah dalam tindakan kajian berdasarkan gelungan iaitu memerhati, merancang, bertindak dan mereflek. Pengkaji memilih model ini kerana model ini sesuai diaplikasikan dengan kajian ini dan penggunaannya terkenal dalam proses penyelidikan. Model ini sangat relevan dalam konteks menjalankan kajian tindakan kerana ia dijalankan di dalam kelas melalui proses pengajaran dan pembelajaran (Soon Seng Thah, 2007).



Rajah 1.0: Model Kemmis dan McTaggart (1988) diadaptasi dari Hasnah Mahmed (2016)

Berdasarkan Rajah 1.0 pada peringkat pemerhatian, penyelidik melakukan pengumpulan data awal untuk mengesahkan dan mengenal pasti masalah sebenar dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid ialah kemahiran menulis dalam menyambungkan huruf Ya. Pada peringkat perancangan, penyelidik merancang kaedah untuk menyambungkan huruf Ya dalam perkataan menggunakan tangan dan jari di mana iaanya mudah untuk diaplikasikan dan tidak memerlukan kos yang tinggi.

Kemudian, pada fasa pelaksanaan, penyelidik telah menetapkan kaedah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam menyelesaikan masalah ini. Menurut Lu dan Effandi (2015), penggunaan teknik yang berkesan membantu murid menunjukkan perubahan positif dalam tingkah laku pembelajaran mereka. Akhir sekali, pada peringkat refleksi, pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh sepanjang proses kajian dijalankan. Pengkaji mendapati penggunaan kaedah "Yadun Yayaya" dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan kesan dan perubahan positif dalam kemahiran menulis murid khususnya dalam

penyambungan huruf Ya dalam perkataan. Gambar 1.0 dan Gambar 2.0 di bawah menunjukkan Kaedah "Yadun Yayaya" diaplikasikan dalam proses pembelajaran.



Gambar 10: Kaedah "Yadun Yayaya"

Gambar 1.0 menunjukkan teknik mengaplikasi penulisan huruf "Ya" secara bersambungan dalam perkataan bahasa Arab dan dipaparkan di atas telapak tangan.



Gambar 2.0: Pelaksanaan Kaedah "Yadun Yayaya"

(c) Kaedah Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data kajian ini adalah menggunakan instrumen temu bual dan pemerhatian. Menurut Merriam (2009) tiga teknik utama pengumpulan data yang sering digunakan dalam kajian kualitatif, iaitu temu bual, pemerhatian dan dokumen dan secara asasnya teknik ini bergantung pada objektif kajian yang ditentukan. Bagi data kuantitatif penyelidik menggunakan kaedah ujian pra dan ujian pasca untuk pengumpulan data. Bagi meningkatkan kesahan data kajian penyelidik menggunakan triangulasi antara kaedah (between methods triangulation) sebagaimana yang disarankan oleh Nuraini (2010). Menurut Noraini (2010) triangulasi antara kaedah merujuk kepada sumber data daripada pelbagai kaedah atau lebih daripada satu kaedah pengumpulan data penyelidikan seperti temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, ujian bertulis dan sebagainya. Menurut Eikeland (2001) mengatakan bahawa penggunaan kaedah pengumpulan data yang pelbagai mampu memberikan kebolehpercayaan dan kesahan dalam penyelidikan. Pengkaji menggunakan pendekatan tematik dan pengekodan dalam menganalisis data kualitatif. Menurut Boyatzis (dalam Braun dan Clark, 2006), pendekatan tematik adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema yang terlibat dalam fenomena ini.

Kaedah yang dipilih untuk menganalisis data kuantitatif terhad kepada analisis dengan menggunakan mesin pengkomputeran elektronik. Untuk mendapatkan kesahan data, pengkaji menggunakan tiga pencarian data iaitu data kualitatif, data kuantitatif dan triangulasi data. Triangulasi data menjadikan hasil kajian lebih tepat (Rosinah, 2011).

DAPATAN KAJIAN

(a) Data Kualitatif

Berdasarkan analisis data melalui pemerhatian melalui video dan temu bual, kaedah "Yadun Yayaya" ini dapat membantu murid menulis dan menyambungkan huruf Ya dalam perkataan bahasa Arab dengan betul. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, dapatan kajian menjelaskan bahawa murid sangat teruja dan menunjukkan minat yang mendalam pada menggunakan kaedah Yadun Yayaya tersebut. Berikut data pemerhatian dan temu bual penyelidik:

“mereka mampu untuk mengukir semula huruf ya pada tangan menggunakan jari mereka tanpa bantuan guru”

(LAM A: 58-60)

“murid kelihatan teruja untuk mempelajari teknik ini”

(LAM A:30)

“memerhatikan teknik menggunakan tangan dengan teliti”

(LAM A: 38)

“sebab guna tangan je”

(TLAM B: 27)

“seronok”

(TLAM B: 32-35)

“Haa teknik Yadun Yayaya!”

(LAM B: 40)

Dapatan kajian ini merumuskan bahawa murid mampu menggunakan kaedah “Yadun Yayaya” dengan baik dan dapat menjawab soalan yang diberikan dengan betul. Selain itu, murid juga dapat menggunakan kaedah ini dengan baik kerana ia mudah untuk difahami dan hanya menggunakan tapak tangan sahaja sebagai alat bantu belajar. Hasil dapatan ini selari dengan kajian Mohammad Fahmi Faiez (2016) yang menggunakan Teknik Naga (DRAGON) untuk menulis huruf Ya. Dalam kajiannya, terdapat beberapa tema yang dapat dilihat seperti tema kesan, tema ketangkasan menjawab dan tema penyertaan hasil dari pemerhatian dan temu bual. Tema-tema yang terdapat dalam kajian Fahmi Faiz ini hampir sama dengan tema yang diperoleh daripada kajian ini. Hal ini menunjukkan bahawa hasil dapatan kajian ini sesuai dan boleh dijadikan panduan kepada guru bahasa Arab yang lain.

(b) Data Kuantitatif

Pengkaji menggunakan ujian pra dan pasca untuk menilai kaedah "Yadun Yayaya" ini. Dapatkan kajian menunjukkan kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menulis huruf Ya secara bersambungan huruf dalam satu perkataan. Paparan data perbandingan skor antara ujian pra dan ujian pasca menunjukkan keputusan positif dan berlaku peningkatan dalam keputusan murid selepas menggunakan kaedah "Yadun Yayaya" dalam penulisan huruf Ya secara bersambungan dalam perkataan. Hasil dapatan ini sejajar dengan hasil kajian dari Muhammad Ikhwan (2017) yang menggunakan kaedah "mata kail dan ikan" untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf Lam. Malah kajian tersebut terdapat peningkatan keputusan murid dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Jadual 1.0 di bawah menunjukkan pencapaian markah murid dalam ujian pra dan ujian pasca penggunaan Kaedah "Yadun Yayaya".

Murid	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)
A	66.76	100
B	50	100
C	83.33	100
D	50	100

Jadual 1.0: Pencapaian markah murid dalam ujian pra dan pasca

Jadual 1.0 menunjukkan pencapaian markah empat orang murid yang menjadi peserta kajian ini. Keputusan Ujian Pra mendapati bahawa murid A memperoleh markah 66.79%, murid B 50%, murid C 83.33% dan murid D 50%. Sebaliknya dapatan Ujian Pasca pula membuktikan bahawa semua murid mencapai 100%. Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian murid adalah meningkat dan amat positif selepas Ujian Pasca.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah "Yadun Yayaya" ini dapat membantu murid menyambungkan huruf Ya dalam perkataan dengan betul. Kaedah ini juga boleh dijadikan sebagai alat pendidikan untuk membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kaedah ini sangat mudah untuk diaplikasikan oleh guru dan mampu menarik minat murid. Menurut Muhammad Shahizam (2011), tidak akan ada motivasi dalam diri murid tanpa sokongan kaedah pengajaran kreatif. Setiap murid mempunyai kebolehan yang berbeza, dan mereka mempunyai kemampuan masing-masing. Oleh itu, guru harus sentiasa inovatif dan futuristik sesuai dengan Dasar Pembelajaran Abad ke-21 (PAK 21) yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan untuk menyusun rancangan latihan yang sesuai dengan tahap dan kemampuan murid. Guru tidak harus mengambil langkah mudah untuk mengabaikan murid yang lemah tetapi mesti berusaha sedaya upaya untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran yang difokuskan dengan baik.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (2007). *Linguistik Am.* Selangor: PTS Professional, PTS Media Group Sdn Bhd.
- Azhar bin Muhammad, (2005). Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. UTM: *Jurnal Teknologi*.
- Braun K., V. and Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2), 77 - 101.
- Eikeland, O. (2001). *Validity In Action Research*. Oslo: Work Research Institute.
- Hasnah Mahmed. (2016). Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Melalui Penggunaan Track Changes. Universiti Teknologi Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*: Vol. 13 (2016): 135-159.
- Lu C. C. & Effandi Zakaria. (2015). Effect of Game-Based Learning Activities on Children's Positive Learning and Prosocial Behaviors. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 159-165.
- Merriam, S. B. 2009. Qualitative Research. San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohammad Fahmi Faez. (2016). *Perkembangan Murid Tahun 2 dalam Penulisan Huruf Ya Menggunakan Teknik "At-Tinin" (DRAGON)*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan.
- Muhammad Ikhwan. (2017). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Lam menggunakan Kiasan "Ikan dan Mata Kail"*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan.
- Muhammad Shahizam, (2011). Meningkatkan Tahap penguasaan kemahiran servis atas kepala permainan bola tampar dalam kalangan pemain perempuan pasukan sekolah dengan prinsip ansur maju. *Jurnal Kurikulum* 2011.
- Noraini Idris. 2010. Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan: kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Soon Seng Thah. (2007). Perkembangan Terkini dalam Kajian Tindakan. Putrajaya: Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yin, R. K. 2010. Qualitative from Start to Finish. The Guilford Press. New York.